



POLISI ANTIRASUAH

PERBADANAN KEMAJUAN
NEGERI PERAK (PKNPK)

Unit Integriti dan Governans PKNPK

POLISI ANTIRASUAH
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

ISI KANDUNGAN :

1. PENDAHULUAN	2
2. PEMAKAIAN	3
3. OBJEKTIF	3
4. TAKRIFAN	3-5
5. PERNYATAAN POLISI	5-7
6. PERLAKUAN YANG BERUNSUR ATAU BERPOTENSI MENJADI AMALAN RASUAH	7
7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH	8-12
8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN BERKAITAN RASUAH	12-13
9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA PKNPK	14
10. KERAHSIAAN DAN PERLINDUNGAN	15
11. SALURAN ADUAN DAN PELAPORAN	15
12. PENUTUP	16



1. PENDAHULUAN

Menyedari tentang jijiknya amalan rasuah dan kesan buruknya kepada individu, organisasi, masyarakat dan negara, Malaysia telah melancarkan **Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan atau ringkasnya NACP)** pada 29hb Januari 2019. NACP adalah dokumen utama Kerajaan Malaysia yang dirangka khusus merangkumi isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Bebas Rasuah.

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri turut komited dan responsif dengan memulakan usaha-usaha pendidikan dan pencegahan mulai tahun 2015 untuk menjadikan rasuah suatu perbuatan yang dibenci dan perlu dihindari oleh semua warga kerja PKNPk.

Sehubungan itu, Polisi Antirasuah ini digubal sebagai suatu petunjuk dan panduan jelas tentang pendirian PKNPk dalam hal-hal berkaitan rasuah. Polisi ini juga bertujuan sebagai panduan kepada warga kerja PKNPk dan semua *stake holders* dalam menangani isu-isu berkaitan perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan / atau penyelewengan. Turut diperjelaskan juga dalam polisi ini ialah tentang kesalahan rasuah secara terperinci serta mekanisma pelaporan kesalahan tersebut.

Polisi ini juga adalah merupakan usaha-usaha yang berterusan oleh PKNPk untuk membentuk warga kerja PKNPk yang jujur, amanah, berintegriti dan sebagai pelengkap kepada Kod Etika & Tatakelakuan, Polisi Pemberi Maklumat, Polisi Pemberian & Penerimaan Hadiah dan Pelan Antirasuah Organisasi sedia ada.

Harapan kami agar PKNPk berjaya mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan bersih daripada amalan rasuah serta kukuh dengan governans yang baik melalui usaha-usaha gigih semua pihak yang berkaitan. Semoga Allah SWT memberkati usaha-usaha kita dan melimpahkan rahmat-Nya.



2. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja PKNPk dan boleh digunakan oleh anakanak syarikat, tertakluk kepada pindaan atau penyesuaian dan kelulusan Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Polisi ini juga boleh dijadikan sumber rujukan oleh *stake holders*, rakan niaga atau mana-mana pihak yang berurusan dengan PKNPk.

3. OBJEKTIF

Polisi ini dibangunkan sebagai panduan mengenai kesalahan rasuah secara terperinci. Hanya dalam keadaan memahami dan celik undang - undang rasuah sahaja seseorang itu boleh mengelakkan diri daripada terlibat dalam perlakuan rasuah.

4. TAKRIFAN

4.1 Rasuah


Bagi maksud penggunaan polisi ini, rasuah bermaksud "*memberi atau menawarkan, menerima atau meminta, setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi*".

4.2 Suapan

Bermaksud sebarang bentuk faedah yang bernilai seperti tafsiran di bawah **Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)**.



JENIS ATAU BENTUK SUAPAN



4.3 Warga Kerja PKNPk

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dengan PKNPk dan / atau anak syarikat PKNPk sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjam khidmat, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.



Warga kerja PKNPk juga termasuklah semua Ahli Lembaga Pengarah PKNPk dan syarikat-syarikat milik PKNPk.

5. PERNYATAAN POLISI (Policy Statements)

- **Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan anak – anak syarikat** komited untuk menggalakkan nilai – nilai integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang mantap;
- Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;
- Mematuhi undang – undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;
- Membanteras segala bentuk gejala rasuah; dan
- Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam melaksanakan ikrar dan tanggungjawab di atas, PKNPk telah menetapkan **toleransi sifar** terhadap rasuah sebagai pegangan dan amalan. PKNPk telah menetapkan empat (4) terma rujukan seperti berikut sebagai asas untuk mencapai amalan tersebut :-

5.1 Dasar, Perundangan dan Peraturan

- (i) Memahami dan mematuhi undang – undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah dan salah guna kuasa yang berkuatkuasa.
- (ii) Menerapkan elemen-elemen pencegahan dan antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman, governans yang baik dalam semua aspek perniagaan dan urusan pentadbiran.
- (iii) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain – lain agensi penguatkuasa undang – undang dalam melaksanakan dan mendaulatkan undang – undang.



5.2 Governans yang baik dan Berintegriti

- (i) Menyemai, mendidik, membudayakan integriti dan governans yang baik dalam penyampaian perkhidmatan melalui program-program pendidikan yang berterusan.
- (ii) Sentiasa menekankan dan menjadikan governans yang baik dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan.

5.3 Sistem dan Prosedur Kerja

- (i) Mengkaji, mengenal pasti dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang longgar bagi menutup peluang berlakunya amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- (ii) Menjadikan semak dan seimbang (*check and balance*) dan ketelusan sebagai asas dalam semua proses membuat keputusan.

5.4 Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

- (i) Memperkemas dan memudahkan mekanisma dan proses melaporkan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- (ii) Mengambil tindakan pengesanan, punitif yang sewajarnya ke atas sebarang pelanggaran tatakelakuan.
- (iii) Melaksanakan proses pemulihan kepada mereka yang telah diambil tindakan punitif, jika bersesuaian.



6. PERLAKUAN YANG BERUNSUR ATAU BERPOTENSI MENJADI AMALAN RASUAH

Perlakuan berikut boleh disifatkan atau berpotensi untuk menjadi amalan rasuah :-

Transactive	Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (<i>win – win situation</i>).
Extortive	Ugutan atau paksaan untuk mengambil tindakan.
Defensive	Suapan dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan.
Investive	Suapan untuk menjamin balasan / faedah pada masa hadapan.
Nepotisme	Penyalahgunaan kuasa, jawatan atau kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara /sekutu.
Autogenic	Perlakuan rasuah yang menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
Supportive	Penempatan proksi / wakil / kroni di tempat strategik (<i>hot spot</i>) dalam organisasi.



7. KESALAHAN – KESALAHAN RASUAH

Kesalahan – kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)** adalah seperti berikut :-

7.1 Kesalahan memberi / menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

- 7.1.1 Mana – mana orang **secara rasuah meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi **dirinya** atau **orang lain** apa – apa **suapan** sebagai **dorongan** atau **upah** bagi melakukan atau tidak melakukan apa – apa perkara atau transaksi; atau
- 7.1.2 Mana – mana orang **secara rasuah memberikan, menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana – mana orang sama ada bagi faedah **dirinya** atau **orang lain** apa – apa **suapan** sebagai **dorongan** atau **upah** bagi melakukan atau tidak melakukan apa – apa perkara atau transaksi.

7.2 Kesalahan memberi / menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

- 7.2.1 Mana – mana orang sebagai ejen **secara rasuah menyetujui terima** atau **memperoleh** daripada mana – mana orang untuk **dirinya** atau **orang lain**, apa – apa **suapan** sebagai **dorongan** atau **upah** bagi melakukan atau tidak melakukan apa – apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
- 7.2.2 Mana – mana orang sebagai ejen **memberikan** atau **bersetuju** untuk **memberikan** atau **menawarkan** apa – apa **suapan** kepada mana – mana ejen sebagai **dorongan** atau **upah** bagi melakukan atau tidak melakukan apa – apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.



7.3 Kesalahan di bawah Seksyen 17A, Liabiliti Korporat (Akta 694) (Pindaan 2018)

Suatu **organisasi komersial** melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi itu **secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanji** atau **menawarkan** kepada mana - mana orang apa – apa **suapan** sama ada bagi faedah **orang itu** atau bagi faedah **orang lain** dengan niat :-

- (a) untuk memperoleh atau mengekalkan **perniagaan** bagi organisasi komersial itu; atau
- (b) untuk memperoleh atau mengekalkan **faedah** dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

Hukuman untuk kesalahan di bawah seksyen ini ialah boleh **didenda tidak kurang daripada sepuluh (10) kali ganda jumlah** atau **nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau **berbentuk wang** atau **satu juta ringgit (RM1,000,000.00)** mengikut mana-mana yang lebih tinggi atau **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh (20) tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

7.4 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana - mana orang yang **memberikan** kepada seseorang ejen atau sebagai seorang ejen **menggunakan** dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya **apa – apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa – apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa – apa butir matan** dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.



7.5 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

Mana – mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang **pegawai** mana – mana **badan awam** atau sebagai seorang pegawai mana – mana badan awam, **meminta** atau **menerima** apa – apa **suapan** sebagai suatu **dorongan** atau **upah** walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada apa – apa hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

7.6 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694

Mana – mana **pegawai badan awam** yang **menggunakan jawatan** atau **kedudukannya** untuk apa – apa **suapan** sama ada bagi **dirinya sendiri, saudaranya** atau **sekutunya**.

7.7 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694

7.7.1 Apabila disabitkan oleh mahkamah, mana – mana orang yang melakukan kesalahan di bawah **Seksyen 16, 17, 21 dan 23,**

Akta 694 boleh dihukum seperti berikut :-

- (i) **Dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh (20) tahun;**
dan
- (ii) **Didenda tidak kurang lima (5) kali ganda jumlah** atau **nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu atau **sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00)** mengikut mana – mana yang lebih tinggi.



7.7.2 Mana – mana orang yang melakukan kesalahan di bawah **Seksyen 18, Akta 694** apabila disabitkan boleh :-

- (i) **Dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh (20) tahun**;
dan
- (ii) **Didenda** tidak kurang **lima (5) kali ganda jumlah** atau **nilai butir matan yang palsu**, atau silap itu, atau **sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00)** mengikut mana – mana yang lebih tinggi.

7.8 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694

7.8.1 Mana – mana orang yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan suapan hendaklah **melaporkan pemberian, janji atau tawaran** itu berserta dengan nama jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya atau kepada pegawai SPRM.

7.8.2 Mana – mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh :-

- (i) **didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit (RM100,000.00)**;
atau
- (ii) **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi sepuluh (10) tahun**
atau **kedua – duanya**.

7.8.3 Mana – mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu hendaklah **melaporkan permintaan** atau **perolehan**, atau **cubaan untuk memperoleh suapan** itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan jika diketahui, nama orang yang meminta atau memperoleh atau cuba memperoleh suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.



7.8.4 Mana – mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh :-

- (i) didenda tidak melebihi **seratus ribu ringgit (RM100,000.00)**;
atau
- (ii) **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun** atau **kedua – duanya**.

7.9 Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana – mana **pegawai awam** yang **menerima** atau **memperoleh** atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk **dirinya** atau untuk mana – mana **orang lain**, apa – apa **barangan berharga dengan tiada balasan** atau **dengan balasan** yang pegawai itu mengetahui tidak mencukupi daripada mana – mana orang yang pegawai itu mengetahui telah, sedang atau mungkin berkaitan dengan apa – apa urusan rasmi yang telah dijalankan oleh pegawai itu atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai itu atau dengan tugas rasmi mana – mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan **hukuman penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun** atau **denda** atau **kedua – duanya sekali**.

7.10 Kesalahan menggunakan surat pemalsuan sebagai tulen di bawah Seksyen 471, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Barang siapa dengan tipuan atau dengan curangnya menggunakan sebagai tulen apa – apa surat yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai suatu **suratan pemalsuan**, hendaklah diseksa sama seperti seolah – olah ia telah melakukan pemalsuan berkenaan surat itu.



Hukuman adalah di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan iaitu **penjara tidak melebihi dua (2) tahun** atau **denda** atau **kedua – duanya sekali**.

8. UNDANG – UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKAITAN RASUAH

8.1 Undang – undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut :-

(i) Seksyen 3, Akta 694 yang termasuklah;

- a.** mana – mana kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) yang dinyatakan dalam **Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan yang ditetapkan (*Prescribed Offences*)”** di bawah Akta 694;
- b.** kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 137, Akta Kastam 1967 (Akta 235)**;
- c.** kesalahan di bawah **Bahagian 111, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)**;
- d.** **sesuatu percubaan** untuk **melakukan mana – mana kesalahan** yang disebut dalam **perenggan (a) hingga (c)** atau;
- e.** **sesuatu persubahatan** atau **komplot jenayah** untuk **melakukan kesalahan** (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana – mana kesalahan yang disebut dalam **perenggan (a) hingga (c)** sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

8.2 Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

8.3 Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993

8.4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 1997 –

Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes – Kes Tatatertib yang dirujuk oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).



9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA PKNPk

9.1 Adalah wajar bagi semua warga kerja PKNPk mengambil langkah berikut untuk menutup ruang dan peluang berlakunya amalan rasuah :-

JANGAN MINTA

Warga kerja PKNPk dilarang meminta atau menerima apa – apa bentuk suapan rasuah.

TOLAK

Warga kerja PKNPk hendaklah menolak apa – apa tawaran atau pemberian rasuah.

LAPOR

Warga kerja PKNPk hendaklah melaporkan apa – apa tawaran atau pemberian rasuah kepada Ketua Jabatan atau kepada Ketua Unit Integriti & Governans PKNPk atau kepada SPRM.

9.2 Warga kerja PKNPk boleh melaporkan apa – apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan maklumat asas seperti berikut :-

- (i) siapa yang terlibat? (WHO?)
- (ii) bila kejadian berlaku? (WHEN?)
- (iii) di mana kejadian berlaku? (WHERE?)
- (iv) apa kesalahan yang berlaku? (WHAT?)
- (v) kenapa kesalahan berlaku? (WHY?)
- (vi) bagaimana kesalahan berlaku? (HOW?)
- (vii) saksi atau dokumen / bukti sokongan, jika ada



10. PERLINDUNGAN MAKLUMAT DAN PEMBERI MAKLUMAT

Apa – apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, maklumat dalam aduan tersebut dan **identiti pemberi maklumat** adalah **dirahsiakan** dan **tidak boleh didedahkan** atau diperintahkan atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana – mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana – mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain terlindung di bawah **Seksyen 65, Akta 694**.

11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pelaporan / pertanyaan mengenai polisi ini, tuan/puan boleh hubungi :-

(a) Ketua Unit Integriti & Governans

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak,
No. 1-A, Tingkat 4, Blok A, Menara PKNPk
Jalan Meru Casuarina,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak.

(b) E- mel : integriti@pknpgroup.com.my

(c) Facebook : Unit Integriti & Governans PKNPk

(d) Telefon : 05 – 5019 626

(e) Faks : 05 – 5019 614



12. PENUTUP

Pemakaian dan pematuhan kepada polisi ini adalah penting dan boleh digunakan untuk mengukuhkan mekanisma kawalan dalaman dalam konteks penguatkuasaan **Seksyen 17A, Liabiliti Korporat (Akta 694)**. Pematuhan kepada polisi ini juga dapat menjadi pemangkin kepada pencapaian sasaran **sifar rasuah** di PKNPk dan juga di anak – anak syarikat.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan polisi ini seperti berikut :-

1. Tuan Mohd Ariff bin Yeop Ishak - Penaung
2. Puan Nazatul Halipah binti Kamarulzaman - Pengerusi
3. Puan Noor Anis Syakirah binti Bidres
4. Puan Suriati binti Hamzah
5. Puan Norehan binti Abdul Rahman
6. Hj Mohamad bin Hj Hassan - Penasihat

